

PUISI LIPUR NENDA

Oleh: Nur Dinie binti Shariffuddin
(MALAYSIA)

Nenda seorang penglipurlara,
Aku dibesarkan dengan mendengar
lipurnya,
Di dalam lipurnya terselit lara,
Karna itu, nendaku penglipurlara.

Lipur kegemaran nenda,
Penyatuan dua jiwa yang berbeza,
Pangeran yang kabur dari negara garuda,
Dan gadis biasa di Tanah Malaya.

Kata nenda,
Mereka berbeza, tetapi sama,
Ku tanya pada nenda apa etrinya,
Jawab nenda,
Yang berbeza hanyalah tanah, bukan asal
usulnya.

Ku tanya pada nenda,
Bagaimana yang berbeza bisa bersama?

Kata nenda,
Karna ini adalah Nusantara,
Tiada beza warna dan bahasa,
Asal usulnya juga saling melingkar,
Dibezakan sempadan semata-mata.

Di Nusantara, lautan luas membelah,
Pulau-pulau berserakr merata,
Adat budaya yang tak jauh beza
Terjalinalah ikatan, dalam satu rasa.

Dari Selat Melaka ke Selat Singapura,
Dari Borneo ke Kalimantan Utara,
Beragam budaya, adat, dan tradisi,
Menjadi benang merah, mengikat hati.

Di sini, kita belajar saling menghargai,
Memahami perbezaan, dalam satu cinta,
Bersatu padu, dalam kebersamaan,
Nusantara, tanah yang abadi berseri.

Namun, nenda berduka lara,
Kisah pangeran dan gadis Malaya tidak
indah mana,
Kerana sengketa keluarga,
Buta menilai kebersamaan Nusantara,
Akhirnya terpisah di sempadan sana.

Nenda,
Jangan terlalu berduka lara,
Stigma lama dihapus cucunda,
Semoga nenda dan kakek disatukan
semesta,
Alam Nusantara.